

Perpensis sediakan 400 borang utk peraduan mengarang

PERSATUAN Pencak-silat Singa-pura (Perpensis) telah mengeluarkan lebih 400 borang untuk peraduan mengarang sejarah Islam sempena dengan Maulud.

Pegawai penerangan Perpensis, Encik Karim Maidin, menyatakan pihaknya telah mengadakan kempen di sekolah-sekolah serta madrasah setempat.

"Hasil dari kempen itu lebih 200 orang penuntut telah meminta borang peraduan menerusi sekolah dan madrasah mereka, sementara 200 yang lain datang sendiri mengambil borangnya," katanya.

Menurutnya, Perpensis terpaksa mengadakan kempen tersebut berikutan dengan sambutan yang kurang menggalakkan dari para penuntut pada mulanya.

Mereka berharap akan mendapat sambutan yang hangat dari para penuntut ekoran dari kempen tersebut.

Peraduan itu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A

untuk murid-murid yang berumur di bawah 12 tahun dengan tajuk berjudul "Kehidupan Rasulullah sebelum menjadi Nabi"

Bahagian B pula untuk penuntut Menengah Satu hingga Menengah Tiga dengan tajuk "Riwayat Saiyidina Abu Bakar dalam mempertahankan Islam" dan Bahagian C untuk Menengah Empat hingga Pra-U dengan tajuk "Islam sebagai konsep hidup".

Tujuan utama

Tujuan pihaknya mengadakan peraduan tersebut untuk mengetahui tentang pelajaran agama di kalangan para penuntut.

Hadiah-hadiah yang disediakan berupa wang tunai iaitu pertama \$100 (bagi setiap bahagian), kedua \$50, ketiga \$25 dan setiap bahagian akan diberi hadiah sagu hati.

Sesiapa yang ingin menyertai peraduan itu boleh mendapat keterangan lanjut dari Setiausaha Peraduan Karangan, Perpensis, 9 Ipoh Lane, Singapura 15.

Tarikh penutup untuk menyertai peraduan ini ialah 31 Januari ini.

Tindakan disiplin: Penjelasan Macu

-1 FEB 1979 *pencak silat*
TINDAKAN disiplin yang diambil oleh sesebuah kesatuan atau pertubuhan terhadap jurulatih silat, tidak akan menjejaskan kedudukan guru silat itu untuk mengadakan kelas-kelas latihan.

Sijil guru silat itu juga tidak akan ditarik balik oleh Unit Pengawal Seni Pertahanan Diri (Macu) sekiranya jurulatih silat itu tidak melanggar sebarang syarat dan undang-undang bagi seorang jurulatih.

Demikian dijelaskan oleh seorang pegawai dari Macu ketika diminta mengulas mengenai tindakan disiplin sebuah pertubuhan Melayu di sini yang menggantung seorang jurulatihnya dari menjalankan tugasnya di pertubuhan itu.

"Selagi jurulatih itu tidak melanggar syarat dan peraturan di bawah Akta Pengajaran Seni Pertahanan Diri, 1974, kami tidak

dapat mengambil apa-apa tindakan.

"Ini hanya merupakan satu pertikaian dalam persatuan itu sendiri. Dan besar kemungkinan jurulatih itu boleh mengadakan kelas latihannya di pertubuhan yang lain pula," kata pegawai itu semalam.

Syarat2 Akta

Dia menjelaskan, sijil jurulatih silat itu hanya boleh di tarik kembali oleh Macu sekiranya pihak pengawal unit itu berpendapat bahawa jurulatih itu tidak lagi menjalankan tugasnya di mana sijil itu dikeluarkan.

Ataupun jurulatih itu mendapat sijilnya bertentangan dengan syarat-syarat Akta ini ataupun unit itu mendapati bahawa jurulatih itu tidak lagi layak untuk memegang sijil ataupun telah melanggar syarat-syarat ataupun peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Sijil itu juga boleh ditarik balik sekiranya pihak pengawal unit ini menganggap jurulatih itu tidak lagi layak untuk mengadakan kelas demi faedah ramai.

Difahamkan bahawa pada Sabtu lalu, sebuah pertubuhan telah mengambil tindakan untuk menggantung dan memecat seorang jurulatih silatnya dari mengadakan kelas-kelas latihan di tempatnya.

Seorang pegawai pertubuhan itu menjelaskan, walaupun jurulatih itu telah dipecat, kelas silat tetap berjalan seperti biasa.

"Oleh kerana jurulatih yang berkenaan telah melanggar undang-undang kami, kami telah mengambil keputusan untuk memecatnya dari menjadi anggota dan mengajar di tempat kami," kata pegawai itu.

Dia menjelaskan juga bahawa keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat itu akan dihantar kepada Macu tidak lama lagi.